

04 JAN 2000

Mahathir-indeks

DR MAHATHIR YAKIN INDEKS KOMPOSIT BOLEH MELEPASI 900 MATA

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ada kemungkinan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur akan terus naik melepasi paras 900 mata tahun ini.

Perdana Menteri berkata ini kerana semua pihak sudah yakin bahawa ekonomi negara sedang pulih dengan pesat.

"Saya fikir tahun ini Indeks Komposit ini akan naik lagi kerana semua sudah dapat lihat dan percaya ekonomi kita sedang pulih pesat. Saya fikir mungkin sehingga penghujung tahun ini ia akan sampai 900 mata atau lebih," katanya dalam satu temubual dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selepas merakamkan perutusan Aidil Fitri di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau berkata demikian bila ditanya mengenai prestasi bursa tempatan semalam apabila Indeks Komposit mencatatkan kenaikan 21 peratus menjadi 833.89 mata dengan jumlah dagangan hampir 540 juta saham bernilai RM1.33 bilion.

Dr Mahathir berkata kenaikan dalam Indeks Komposit itu juga ialah kerana pelabur yakin dengan pemulihan ekonomi negara.

"Mereka yakin sebarang pelaburan yang dibuat oleh Malaysia akan mendatangkan hasil dan disebabkan itu maka mereka hendak melabur di sini," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan pelabur supaya tidak terlalu cepat untuk memperolehi keuntungan dengan menjual saham walaupun Indeks Komposit itu naik sedikit.

"Bila mereka (pelabur) jual, Indeks Komposit akan turun dan ini akan menjadi penyebab pelabur lain mengalami kerugian," katanya.

-- BERNAMA

ARA MAI